

# VOTMINE SYRUP

Dimenhydrinate (15mg/5ml)

---

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Votmine
2. Bagaimana Votmine berfungsi
3. Sebelum menggunakan Votmine
4. Cara menggunakan Votmine
5. Semasa menggunakan Votmine
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Votmine
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

## Apakah kegunaan Votmine

Votmine digunakan untuk:

- Mencegah dan melegakan mabuk perjalanan
- Rawatan *vertigo* (sensasi berpusing dan hilang keseimbangan), loya atau muntah-muntah yang dikaitkan dengan terapi renjatan elektrik, anestesia, pembedahan dan radiasi

## Bagaimana Votmine berfungsi

Votmine mengandungi bahan aktif dimenhydrinate. Dimenhydrinate tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai antiemetik. Ubat ini melegakan atau mencegah rasa loya dan muntah-muntah dengan mempengaruhi pusat muntah yang berada dalam otak.

Hubungi doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan tentang tujuan Votmine dibekalkan kepada anda. Doktor anda mungkin membekalkan Votmine untuk tujuan lain.

## Sebelum menggunakan Votmine

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil ubat ini jika anda mempunyai alahan terhadap:

- dimenhydrinate
- sebarang bahan lain yang disenaraikan di hujung risalah ini

Jangan mengambil Votmine jika anda mempunyai atau pernah mengalami sebarang masalah kesihatan seperti yang berikut:

- penyakit ginjal atau hati
- pembesaran prostat
- glaukoma (peningkatan tekanan dalam mata)
- asma

Jika anda tidak pasti sama ada anda mengalami sebarang keadaan di atas, tanya doktor anda.

Jangan mengambil Votmine selepas tarikh luput yang dicetak pada pek ini atau jika terdapat tanda salahguna pada bungkusan.

Jika ia sudah melepasi tarikh luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula mengambil ubat ini, sila tanya doktor anda.

- Sebelum mengambil Votmine

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat, makanan, pengawet atau pewarna.

Beritahu doktor anda jika anda hamil atau bercadang untuk hamil atau anda menyusukan bayi. Doktor anda akan berbincang dengan anda mengenai risiko dan manfaat mengambil ubat ini.

Dimenhydrinate boleh digunakan semasa kehamilan sekiranya diperlukan. Sedikit antihistamina akan dirembeskan ke dalam susu ibu, dimenhydrinate adalah tidak digalakkan untuk ibu yang menyusu.

Doktor anda akan menjalankan ujian untuk anda kerana dimenhydrinate boleh melambatkan diagnosis radang apendiks dan tanda-tanda ketoksikan daripada dos berlebihan ubat-ubatan lain.

Pening, mengantuk, kekeliruan dan tekanan darah rendah mungkin lebih kerap berlaku pada orang tua yang mengambil antihistamina.

Jika anda belum memberitahu doktor anda tentang mana-mana perkara di atas, beritahunya sebelum anda mula mengambil Votmine.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan Anarex boleh bertindak balas antara satu sama lain.

Ini termasuk:

- antihistamina yang lain (digunakan untuk alahan)
- antikolinergik (digunakan untuk asma)
- ubat-ubatan yang menyebabkan ketoksikan telinga
- apomorphine (digunakan untuk merawat penyakit Parkinson, sejenis pergerakan)
- opiod analgesik (ubat tahan sakit)

Ubat-ubat ini mungkin dipengaruhi oleh Votmine atau mungkin menjejaskan fungsinya. Anda mungkin perlu mengambil ubat anda dalam jumlah yang berlainan atau anda mungkin perlu mengambil ubat yang berlainan.

Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat-ubat yang perlu diberi perhatian atau yang perlu dielakkan semasa mengambil Votmine.

**Cara menggunakan Votmine**

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek ini, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- *Berapa banyak harus digunakan*

Doktor anda akan memberitahu anda berapa banyak ubat yang perlu diambil setiap hari. Ini bergantung kepada umur, keadaan anda dan sama ada anda mengambil sebarang ubat lain.

Kanak-kanak:

Usia 2-6 tahun: 2.5ml hingga 5ml dua atau tiga kali sehari.

Usia 6-8 tahun: 5ml hingga 10 ml dua atau tiga kali sehari.

Umur 8-12 tahun: 10 ml hingga 15ml dua atau tiga kali sehari.

Dimenhydrinate boleh diberikan kepada kanak-kanak di bawah 2 tahun mengikut nasihat doktor.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti dos yang betul untuk anda. Mereka akan memberitahu anda kuantiti yang perlu diambil.

- *Bila perlu digunakan*

Untuk mencegah mabuk perjalanan, ambil dos pertama 30 minit sebelum memulakan perjalanan.

- *Berapa lama perlu menggunakan*

Teruskan mengambil Votmine Syrup selagi disarankan oleh doktor anda.

- *Jika terlupa menggunakan*

Jika anda terlupa dos dimenhydrinate, ambil dos itu secepat mungkin. Jika telah hampir masa untuk dos seterusnya, biarkan sahaja dos yang terlepas dan kembali mengambil dos seterusnya mengikut jadual biasa. Jangan mengambil 2 dos sekaligus.

Jika anda mempunyai masalah untuk mengingat masa pengambilan ubat, tanya ahli farmasi anda untuk dapatkan petua.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil Votmine, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaian atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Simptom-simptom terlebih dos termasuk:

- sawan
- cuai atau tidak stabil
- rasa sangat mengantuk
- mulut, hidung atau tekak sangat kering
- muka kemerahan
- sesak nafas

**Semasa menggunakan Votmine**

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Sentiasa mematuhi arahan doktor anda dengan teliti.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil Votmine.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan mengambil Votmine untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Pastikan anda tahu bagaimana anda bertindak balas terhadap Votmine sebelum anda memandu kereta, mengendalikan mesin atau melakukan perkara lain yang boleh membahayakan jika anda pening atau gayang. Jika ini berlaku, jangan memandu.

Berhati-hati jika minum alkohol semasa mengambil Votmine. Gabungan Votmine dan alkohol akan menyebabkan anda rasa lebih mengantuk, pening atau gayang.

**Kesan-kesan sampingan**

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda secepat mungkin jika anda rasa tidak sihat selepas mengambil Votmine. Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mengalami sesetengah kesan sampingan.

Jangan khawatir dengan senarai kesan sampingan ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang persoalan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan berikut yang membimbangkan anda:

- rasa mengantuk
- pening
- mulut kering
- rasa loya

- penglihatan kabur
- keletihan
- rasa teruja
- sawan

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, or atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers → Reporting*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan Votmine**

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam pekny. Jika anda mengeluarkan ubat daripada pek, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat pada suhu di bawah 25°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan simpan Votmine atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki. Jangan tinggalkan ubat di dalam kereta atau atas unjuran tapak tingkap.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

- Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil Votmine atau ubat ini sudah

melempi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

- ubat sirap berwarna kuning jernih

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- Dimenhydrinate

Bahan tidak aktif:

- Perasa nanas
- Gula kasar
- Methyl paraben
- Propyl paraben
- Cecair glukosa
- Quinoline yellow
- Propylene glycol
- Sodium saccharin
- Deionised Water

- Nombor MAL

MAL19880307A

**Pengilang**

Duopharma (M) Sdn. Bhd.  
Lot 2599, Jalan Seruling 59,  
Kaw 3, Taman Klang Jaya,  
41200 Klang, Selangor,  
Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Duopharma (M) Sdn. Bhd.  
Lot 2599, Jalan Seruling 59,  
Kaw 3, Taman Klang Jaya,  
41200 Klang, Selangor,  
Malaysia.

**Tarikh kemaskini RIMUP**  
08/09/2015

**Nombor siri**

BPFK(R4/1)070915/00300